

Hak Anak Perempuan dalam Memilih Jodoh dan Mendirikan Rumah Tangga Menurut Syari'at dan Enakmen Keluarga Islam Kelantan

Russanani @ Asiah Hassan

ABSTRAK

Penciptaan manusia lelaki dan perempuan adalah merupakan tanda-tanda kekuasaan Allah. Hanya mereka yang tidak mengetahui tentang ciptaan ini tentu tidak dapat memahami akan hikmatnya, lalu dengan itu anak-anak perempuan dibunuh kerana dianggap membawa sial dan boleh mengaibkan keluarga. Islam didatangkan adalah untuk menghapuskan amalan dan kepercayaan yang terpesong ini. Dalam Islam anak perempuan mendapat penghormatan dengan memberikan hak-haknya, bermula dari seawal kehidupannya lagi. Penulisan ini hanya menjelaskan hak anak perempuan ketika mencapai umur baligh iaitu sebagai umur layak berkahwin dengan menerangkan haknya dalam melangsungkan akad perkahwinan, bermakna sesuatu perkahwinan itu haruslah mendapat keizinan darinya. Inilah pendapat yang dikira memihak kepada perempuan. Dan ketika wall enggan untuk mengahwinkannya maka ia berhak mendapatkan wall hakim, maka dengan itu tidak timbul isu kahwin lari, dan untuk kebaikannya maka Enakmen Keluarga Islam Kelantan menetapkan umur minimum berkahwin ialah 16 tahun. Begitulah undang-undang keluarga Islam memperuntukkan hak-hak yang cukup memberi penghormatan kepada anak-anak perempuan.

PENDAHULUAN

Adalah menjadi matlamat penciptaan wanita, dilahirkan ke dunia ini untuk pada suatu masa nanti menjadi ibu kepada beberapa angkatan penggempur kebatilan. Wanita adalah pemegang amanah pertama yang bertugas menjaga dan memelihara pembesaran anak-anak sejak dari mula lagi. Oleh itu tidaklah menghairankan jika terdapat seruan yang menyeru agar memberikan pendidikan yang sesempurna mungkin kepada anak-anak perempuan yang menjadi tapak kepada lahirnya beberapa generasi berikutnya. Mereka adalah umpama ladang yang boleh membekalkan makanan yang segar dan buah-buahan yang lazat. Mereka juga merupakan rukun utama kepada kekuatan sesuatu ummah, kerana itu kedua ibu bapa diseru agar membimbing anak-anak perempuan mereka ke arah suatu keadaan yang lebih baik, iaitu dengan memberikan mereka suatu penjagaan yang sempurna dan tidak mengabaikan keperluan-keperluan mereka.

Perbincangan di sini akan difokuskan kepada anak perempuan yang mencapai umur baligh. Ketika seseorang anak perempuan mencapai umur baligh dan matang, maka pada saat itu ia sudah mempunyai hak untuk membina sebuah keluarga dan mencorakkan kehidupan rumah tangganya. Ini merupakan suatu hak sosial yang umum yang selari dengan tabiat semula jadi dan berkait rapat dengan diri seseorang, kewujudan serta kelangsungannya. Ia berbeza dengan hak khusus yang terdapat di dalam aqad perkahwinan, iaitu suatu akad yang tunduk kepada beberapa pertimbangan dan kaedah-kaedah syara' yang tertentu yang menetapkan hak-hak dan kewajiban bagi kedua belah pihak.

HAK UNTUK MELANGSUNGKAN AKAD PERKAHWINAN

Mengenai hak seseorang anak perempuan apabila sudah sampai ke peringkat umur baligh dan matang untuk melangsungkan akad perkahwinannya sendiri, apakah ia menjadi hak wali atau tidak, adalah menjadi bahan pertelingkahan di kalangan fuqaha' yang melahirkan beberapa pandangan yang dapat dirumuskan kepada dua pendapat, iaitu:

Pertama: Seseorang perempuan tidak mempunyai hak untuk melangsungkan akad perkahwinannya sendiri, malahan hak itu menjadi

milik walinya. Inilah pendapat yang diperkatakan oleh ulama' Mazhab Maliki¹, Syafi'i² dan Hanbali³ dan ia juga dianggap sebagai pendapat jumhur 'ulama⁴.

Mereka berpegang kepada dalil naqli dan aqli. Di antara dalil naqli ialah firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan kahwinkanlah orang-orang bujang di antara kamu (lelaki atau perempuan) dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hambamu".⁵

Dan firmanNya yang bermaksud:

"Danjanganlah kamu (wall) kahwinkan perempuan-perempuan yang beriman dengan lelaki yang musyrik sebelum mereka beriman"⁶

Dan fimanNya yang bermaksud:

"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu habis iddah mereka, makajanganlah kamu (wahai wali nikah) menghalang mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka."⁷

Cara mereka berhujah dengan nas-nas di atas, mereka beranggapan bahawa orang-orang yang dimaksudkan di dalam ayat-ayat di atas ialah wali-wali nikah. Dengan itu adalah dilarang membiarkan perkahwinan dan akadnya dilangsungkan oleh orang perempuan. Mereka juga beranggapan seperti di atas dengan firman Allah yang bermaksud:

"Atau (pihak) yang memegang ikatan nikah itu memaafkannya"*

Di antara sunnah Rasulullah SAW yang menjadi hujah mereka ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Tiada perkahwinan (yang akan berlangsung) tanpa (kebenaran daripada) wali"⁹

Dan sabda baginda:

"Mana-mana wanita berkahwin tanpa mendapat keizinan daripada walinya, maka perkahwinannya tidak sah. Jika berlaku persetubuhan wanita itu mendapat mahr atas persetubuhannya dengan suaminya. Jika timbul perbalahan, pemerintahlah yang menjadi wali kepada mereka yang tidak mempunyai wali"¹⁰

Dan sabdanya yang bermaksud:

"Janganlah seseorang perempuan mengahwinkan seorang perempuan yang lain dan janganlah seorang perempuan mengahwinkan dirinya sendiri. Sesungguhnya seorang perempuan zina adalah perempuan yang mengahwinkan dirinya sendiri "¹¹

Kesemua nas hadith yang tersebut pada zahirnya menunjukkan bahawa wali adalah orang yang berhak melangsungkan akad perkahwinannya. Seseorang perempuan tidak boleh berkahwin tanpa kebenaran wali. Dengan itu mengikut jumah dalam apa keadaan sekalipun perempuan tidak boleh mengahwinkan diri mereka sendiri.

Dalil aqli yang menjadi hujah mereka ialah mengenai pemilihan pasangan yang sesuai untuk perempuan, dilihat orang lelaki lebih berpengalaman daripada orang perempuan kerana mereka lebih luas dari segi pergaulan dan penglibatan dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Memberikan hak melangsungkan akad perkahwinan kepada orang perempuan juga merupakan sesuatu yang tidak manis menurut pandangan adat kerana ini bermakna ia telah melibatkan diri dalam urusan yang ia malu padanya dan segan membicarakannya.¹² Di samping sifat orang perempuan itu sendiri yang sentiasa tunduk kepada perasaan dan mudah tertipu dengan kata-kata yang manis¹³.

Kedua: Melangsungkan akad perkahwinan adalah salah satu di antara beberapa hak orang perempuan. Pendapat ini diperkatakan oleh ulama' Mazhab Hanafi¹⁴.

Mereka telah berhujah dengan beberapa ayat al-Quran, di antaranya ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesudah (diceraiakan dua kali) itu, jika diceraiakan pula (bagi kali ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. "¹⁵

Dan firman-Nya yang bermaksud:

"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) lalu habis masa iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menghalang mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan wanita itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh syara'). "¹⁶

Dan firman-Nya yang bermaksud:

"Kemudian apabila telah habis masa iddah mereka itu tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada diri mereka menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh syara')."⁷

Kesemua ayat di atas menunjukkan bahawa pengurusan nikah itu diserahkan kepada tindakan orang perempuan dan tentunya orang yang layak untuk menerima penyerahan itu ialah orang yang terlibat dengan perkahwinan itu sendiri. Ini membuktikan bahawa akad perkahwinan itu akan terlaksana dengan ucapan dari seorang perempuan yang sudah baligh dan matang. Ia mempunyai hak bagi melaksanakan perkahwinan terhadap dirinya sendiri bukannya wali.

Mereka juga telah berhujah dengan sunnah Rasulullah SAW di antaranya sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Seorang anak perempuan berhak membuat keputusan untuk dirinya daripada walinya dan bagi gadis suntipula, keizinan daripada dirinya perlu ditanya dahulu, dan kebenarannya ialah dengan ia berdiam diri!"^{1}*

Dan sabdanya yang bermaksud:

"Seorang wanita yang pernah berkahwin berhak membuat keputusan daripada walinya, dan ayah kepada seorang gadis sunti hendaklah meminta persetujuan anaknya itu, yang dianggap bersetuju apabila ia berdiam diri."¹⁹

Sabdanya lagi yang bermaksud:

*"Mereka yang layak berkahwin (lelaki dan perempuan) berhak mengahwinkan diri mereka."*²⁰

Khansa' binti Hizam al-Ansariyyah menceritakan bahawa bapanya mengahwinkannya, yang mana dia telah pernah berkahwin sebelum ini dan tidak menyetujui perkahwinan keduanya itu. Khansa' telah pergi berjumpa dengan Rasulullah SAW lalu baginda membubarkan perkahwinan itu²¹.

Pada konsepnya wali dan perempuan sama-sama mempunyai hak dalam perkahwinannya. Dengan itu wali hanya berhak melakukan akad perkahwinan sekiranya dia diizinkan oleh perempuan²².

Seorang kanak-kanak perempuan samada janda atau gadis sunti, ia mempunyai kelayakan yang cukup, maka ia sendiri adalah orang yang berhak melangsungkan akad perkahwinan itu biarpun terdapat kenyataan dari nas-nas syara' yang mengatakan bahawa seorang janda lebih berhak terhadap dirinya dan seorang dara hendaklah ditanya pendapatnya dan diminta keizинannya. Tetapi ini tidaklah melebihi dari suatu gambaran kepada keadaan kenyataan itu sahaja yang terpengaruh dengan tabiat tiap seorang dari mereka berdua.

Apabila seorang anak perempuan itu sempurna kelayakan dirinya, maka ia berhak mengurus kesemua hak harta bendanya. Begitu juga dengan akad perkahwinan, ia berhak melangsungkannya sendiri, malahan ia adalah orang yang lebih utama dari orang lain kerana akad perkahwinan itu merupakan suatu akad yang berkaitan dengan dirinya, sedangkan diri seseorang itu lebih berharga dari harta benda, maka sudah tentu ia lebih utama diberikan perhatian²³.

Sudah dimaklumi bahawa setiap perkahwinan yang dilangsungkan mengandungi matlamat-matlamat dan faedah-faedahnya. Antara matlamat utama perkahwinan ialah untuk menyelesaikan masalah seksual, memelihara keturunan dan kelangsungannya. Ia juga mengandungi ikatan tanggungjawab seperti kewajiban memberi nafkah dan menyediakan tempat tinggal. Di samping itu juga ia akan melahirkan beberapa natijah seperti berlakunya persemendaan dan perhubungan di antara keluarga. Beberapa matlamat

utamanya adalah berkaitan dengan diri seorang wanita dan hidupnya, maka lantaran itu adalah wajar dari segi prinsipnya ia menjadi orang yang berhak terhadap akad itu.

Adapun berlangsungnya persemendaan, terkawalnya kehormatan keluarga serta terhindarnya perkara yang memalukan pada diri seseorang perempuan, kesemuanya ini akan terlaksana jika syarat-syarat kafa'ah dan mahr mithl dapat dipenuhi. Apabila terjejas salah satu di antara keduanya maka wali nikah mempunyai hak untuk membubarkan akad perkahwinan yang telah berlangsung kerana ia akan membawa malu dan aib kepada diri mereka.

Perkahwinan mempunyai beberapa faedah utama dan sampingan. Faedah-faedah utamanya adalah yang berkaitan secara langsung dengan wanita yang akan berkahwin seperti menghalalkan kehormatan dan mengawal kelangsungan zuriatnya. Sementara faedah-faedah sampingannya pula merupakan hak bersama yang dinikmati secara berkongsi seperti berlakunya persemendaan, wujudnya perhubungan di antara keluarga dan mengawal kehormatan keluarga dari sesuatu yang memalukannya, maka sudah semestinya wilayah perkahwinan itu, jika dilihat dari sudut prinsip-prinsip akad dan mu'amalah, menjadi hak bersama di dalam ruang tanggungjawab. Ini disebabkan matlamat suci dari perkahwinan itu adalah seperti yang disebut di dalam firman Allah yang bermaksud:

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan betas kasihan..."²⁴

Dan firman-Nya yang bermaksud:

"Dan Allah telah menjadikan bagi kamu daripada diri kamu pasangan (isteri) dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu itu anak-anak dan cucu-cucu dan memberikan kamu rezeki dari jenis yang baik-baikr"²⁵

Kenyataan di atas menjelaskan wanita itu sendiri dan walinya sama-sama mendapat hak melangsungkan akad perkahwinan. Kerana itu salah seorang sahabat Imam Abu Hanifah iaitu Muhammad bin Hasan al-Shaybani, berpendapat bahawa wilayah nikah di dalam akad perkahwinan seorang wanita yang mukallaf ialah wilayah nafadh, yang bermaksud, berlakunya sesuatu akad perkahwinan itu adalah bergantung dengan keizinan wali agar kebaikan perkahwinan itu terjamin. Dengan itu akad perkahwinan yang dilangsungkan oleh wanita itu tetap berlaku dan sempurna, tetapi ia tidak akan diluluskan kecuali dengan keizinan wali.²⁶

Dengan melihat kepada kedudukan wilayah nikah dan nas-nas yang berkaitan dengannya, dan mengambil sikap beramal dengannya adalah lebih baik dari mengabaikannya, maka penulis berpendapat bahawa wilayah nikah adalah wilayah bersama/berkongsi di dalam memenuhi berbagai faedah sampingan sehingga sesuatu akad perkahwinan itu tidak akan dilaksanakan sebelum mendapat kepastian (tentang kesesuaiannya) dan ketika ia sudah dipastikan, maka adalah lebih baik ia dilangsungkan oleh bapanya atau siapa sahaja yang mengambil alih tugasnya. Tindakan begini adalah termasuk ke dalam bab menjaga adab dan kesopanan tanpa memberi apa-apa kesan terhadap akad itu, sama ada rosak atau terbatal.

Di dalam pengertian ini, sebahagian 'ulama' yang mengatakan wilayah nikah sepenuhnya adalah milik bapa telah menunjukkan tentang sebab kenapa ia diserahkan kepada orang lelaki iaitu kerana terdapat perasaan malu pada diri seseorang wanita.²⁷

Apa yang telah diperkatakan itu adalah bertepatan dengan kehendak nas-nas yang lalu kerana wilayah nikah masih terdapat di dalam akad itu. Sejauh mana kedudukan wilayah itu tidaklah memberi apa-apa kesan terhadap akad yang dilangsungkan oleh seorang wanita kerana ia mempunyai syahsiah dan kelayakan yang cukup yang dapat dinikmati dalam ke semua urusan muamalat.

Pendapat yang dikemukakan oleh sahabat Abu Hanifah itu melambangkan sikap sederhana yang terletak di antara mereka yang tidak mengharuskan sama sekali wanita melangsungkan akad perkahwinan dengan pendapat mereka yang mengharuskan secara mutlaq. Ia adalah bertujuan untuk memelihara hak bapa dan anak perempuan.

Jika terlaksana faedah-faedah sampingan iaitu takafif dan mahr mithl maka wilayah nikah itu menjadi suatu ibadat taqarrubiyah yang tidak mempunyai apa-apa kesan di dalam mengadakan sesuatu akad dan melaksanakannya.

Jika tidak terlaksana faedah-faedah itu, maka wilayah itu menjadi wilayah nafadh yang tergantung perlaksanaannya kepada kerelaan bapa atau siapa sahaja yang mengambil alih tugasnya.²⁸

Berhubung hak anak perempuan untuk bersetuju dengan perkahwinannya, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 2002 memperuntukkan²⁹:

"Sesuat perkahwinan adalah tidak diakui dan tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini melainkan kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju terhadapnya. "

Begitu juga di Kedah³⁰, Wilayah Persekutuan³¹ dan Terengganu³², telah merangka peruntukan yang serupa.

Peruntukan-peruntukan ini bermakna bahawa wali mujbir tidak boleh mengahwinkan anak atau cucunya tanpa persetujuan orang berkenaan, tetapi perkahwinan juga tidak diiktiraf dan tidak boleh didaftarkan tanpa persetujuan wali pihak perempuan atau hakim syar'i.

Keadaan ini memberi erti bahawa anak perempuan dan walinya sama-sama memperoleh hak. Ini adalah selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh sahabat Imam Abu Hanifah.

Dalam keadaan sekarang ini, persetujuan untuk dikahwinkan dari pihak perempuan oleh wali perlulah diambil kira untuk mengelakkan berlaku penganiayaan dan timbul rasa tidak senang dalam kehidupan rumah tangga. Sebagai usaha untuk mencegah berlaku perkara yang tidak diinginkan sudah sepatutnya ke semua Enakmen negeri-negeri membuat peruntukan yang seumpama itu.

HAK MENDAPATKAN WALI HAKIM

Seorang anak perempuan juga berhak mendapatkan wali hakim dalam keadaan wali nasab enggan mengahwinkannya tanpa sebab yang munasabah. Ini adalah berdasarkan pendapat jumhur fuqaha' yang terdiri dari Mazhab Maliki, Hanbali dan Syafi'i³³.

Peruntukan yang serupa juga diperuntukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan yang menyebutkan⁽³⁴⁾:

Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pihak perempuan itu bermastautin atau seseorang yang diberi kuasa secara 'am, atau khas bagi maksud itu oleh Hakim Syarie itu telah, selepas penyiasatan wajardi hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap perkahwinan itu diakadnikahkan oleh wali Raja mengikut Hukum Syard', persetujuan tersebut boleh diberi jika perempuan tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syara' atau jika wali tidak boleh dikesan, atau jika wali enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab yang mencukupi.

Perkara ini diperuntukkan oleh kebanyakan Enakmen Keluarga Islam bagi negeri-negeri kecuali bagi Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Johor³⁵ di mana mereka mesti dikahwinkan melalui wali nasab. Wali hakim bagi ketiga-tiga negeri ini hanya berbidang kuasa mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali nasab sahaja.

Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan pada asalnya sama dengan peruntukan bagi ketiga-tiga negeri di atas, iaitu perempuan tidak boleh berkahwin tanpa persetujuan wali nasab. Tetapi kedua-dua negeri ini telah meminda peruntukan mereka. Dengan pindaan itu, perempuan boleh berkahwin melalui wali Hakim sekiranya walinya enggan tanpa sebab. Selangor melalui pindaan tahun 1988 dan Wilayah Persekutuan melalui pindaan tahun 1994³⁶.

Sebagai contoh dalam kes Azizah bt. Mat lwn Mat bin Salleh, Mahkamah Kadi Perlis telah memerintahkan Azizah dikahwinkan melalui wali Raja³⁷. Kebenaran ini diberi memandangkan responden enggan mewalikan anaknya itu tanpa sebab yang munasabah dari segi syara'. Kalau tidak dibolehkan perempuan berkahwin melalui wali Hakim kerana

keengganan wali, maka akan menimbulkan penganiayaan terhadap perempuan dan memungkinkan melahirkan kesan-kesan yang tidak sihat. Atas asas ini syara' membolehkan mereka berkahwin melalui wali Hakim sekiranya keengganan wali tanpa sebab yang munasabah.

Melalui peruntukan yang membolehkan berkahwin melalui wali Hakim sebagaimana yang terdapat dalam kebanyakan Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, maka tidak ada sebab bagi gadis-gadis berkahwin lari di luar negara kerana keengganan wali.

Perkahwinan lari di luar negara kadangkala akan menimbulkan keraguan dari segi kesahannya dari sudut hukum syara'. Di samping itu menimbulkan kerumitan untuk mendaftar semula perkahwinan yang berlaku.

Sebagai kesimpulan dari perbincangan di atas, di Malaysia seseorang perempuan tidak boleh berkahwin tanpa persetujuan wali, baik oleh wali nasab ataupun wali Hakim.

PENETAPAN UMUR LAYAK BERKAHWIN

Menyentuh tentang penetapan umur yang layak untuk berkahwin bagi seorang anak perempuan, undang-undang keluarga negeri-negeri di Malaysia menetapkan umur minimum seseorang perempuan itu berkahwin ialah 16 tahun. Dalam Enakmen 2002 memperuntukkan³⁸:

"Tiada sesuatu perkahwinan boleh diadnikahkan atau didaftarkan di bawah Enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syar'ie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan yang tertentu."

Peruntukan ini telah menetapkan umur yang layak untuk berkahwin bagi seseorang anak perempuan ialah 16 tahun.

Menurut fiqh Islam, umur tidak menjadi halangan untuk melangsungkan satu-satu perkahwinan, kerana Islam tidak menetapkan had umur minimum yang layak untuk berkahwin. Penetapan umur 16 tahun dijadikan sebagai satu peraturan dalam peruntukan Undang-undang Keluarga

Islam di Malaysia bagi satu-satu perkahwinan adalah untuk kepentingan anak perempuan itu sendiri. Ia bertujuan supaya anak perempuan berkenaan lebih matang ketika berkahwin dan bersedia untuk menunaikan tanggungjawabnya sebagai isteri.

Jika ingin berkahwin sebelum mencapai umur mengikut umur yang ditetapkan, kebenaran mahkamah diperlukan.

Dari penjelasan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa seseorang anak perempuan ketika dirinya sudah berkeelayakan mengurus hal-hal mu'amalat dengan sebab umurnya sudah baligh dan fikirannya telah matang dengan had umur minimumnya 16 tahun mengikut yang telah ditentukan oleh undang-undang keluarga negeri di Malaysia adalah orang yang berhak bagi menentukan masa depannya, dengan siapa yang disukainya untuk dijadikan teman hidup dalam rumah tangganya. Hak ini adalah bersesuaian dengan tanggungjawab dan natijah yang akan diperolehinya di dunia dan akhirat. Sesiapa pun tidak mempunyai hak untuk memaksanya memilih orang yang tertentu, hidup adalah hidupnya. Ia sendiri yang akan disoal sesudah itu tentang apa sahaja yang berkaitan dengan tanggungjawab dan pengurusannya.

Seorang anak perempuan yang diberikan kesemua haknya khususnya yang mendapat pendidikan dan pelajaran yang sewajarnya dan patuh kepada batas-batas syara', sejak ia dilahirkan sehingga ia menjadi seorang yang berkeelayakan (dalam semua urusan yang berkaitan dengan dirinya dan mu'amalat), tidak akan menempatkan dirinya di suatu tempat yang boleh memalukan ibubapa dan juga keluarganya, kerana segala tindak tanduknya adalah berdasarkan kepada asas yang betul. Ia seumpama sebatang pokok yang dijaga dengan baik sejak ia ditanam lagi. Ia akan membesar tanpa sebarang kecacatan dan akan mengeluarkan buah yang manis tanpa mengandungi rasa pahit, malahan rasanya cukup enak, segar dan menyenangkan.

Begitulah seorang anak perempuan yang solehah, dengan sopannya yang tinggi dan sifat malunya yang tebal, akan mewakilkan kepada bapanya bagi melangsungkan akad perkahwinannya dan juga perlaksanaannya selama mana teman hidupnya itu adalah pilihannya sendiri.

Dan dalam keadaan wali nasab tidak dapat dikesan atau enggan mengahwinkannya tanpa sebab yang munasabah, seorang anak perempuan berhak mendapatkan wali hakim untuk memberikan persetujuan terhadap perkahwinannya. Peruntukan ini ada dinyatakan dalam perbincangan ulama' fiqh dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 2002 dan lain-lain.

Itulah satu penghormatan yang diberikan oleh Islam kepada anak perempuan dalam memilih jodoh dan mendirikan rumahtangganya. Tiada sebarang paksaan dan kekerasan yang boleh dilakukan ke atas mereka.

KESIMPULAN

Huraian di atas menjelaskan tentang hak anak perempuan apabila sudah sampai ke peringkat umur baligh dan matang untuk mendirikan rumahtangga. Untuk melangsungkan akad perkahwinannya itu apakah ia menjadi hak wali atau hak anak perempuan maka ia menjadi bahan perbincangan ulama' fiqh. Pendapat pertama menyatakan bahawa hak untuk melangsungkan akad perkahwinan adalah menjadi milik wali. Seseorang perempuan tidak boleh berkahwin tanpa kebenaran wali. Pendapat kedua pula menyatakan bahawa melangsungkan akad perkahwinan adalah hak orang perempuan. Masing-masing berhujah dengan dalil yang kukuh. Di atas dasar mengambil sikap beramal dengannya adalah lebih baik dari mengabaikannya, maka dilihat wilayah nikah adalah wilayah bersama iaitu menjadi hak bapa dan anak perempuan. Inilah juga yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 2002.

Dalam keadaan wali nasab enggan mengahwinkan anak perempuannya maka seseorang anak perempuan berhak mendapatkan wali hakim. Ini merupakan pendapat jumhur 'ulama' fiqh dan perkara yang serupa juga diperuntukkan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 2002.

Mengenai penetapan umur anak perempuan layak berkahwin tiada ketetapan yang tertentu dinyatakan dalam perbincangan 'ulama' fiqh, tetapi undang-undang keluarga Islam di Malaysia menetapkan umur minimum berkahwin ialah 16 tahun.

Begitulah beberapa peruntukan yang disebutkan dalam perbincangan 'ulama' fiqh dan enakmen keluarga Islam khususnya negeri Kelantan sebagai penghormatan kepada anak perempuan dalam melangsungkan kehidupannya menempuh alam perkahwinan dengan pasangan hidup yang disukainya, selama mana teman pilihannya itu adalah pasangan yang baik dan sesuai.

NOTA

- ¹ Ibn. Juza, *al-Qawanin al-Fiqhiyyah, Taba'ah* Jadidah Munqahah., hal. 172.
- ² Al-Syarbyni (1377H), *Mughni al-Muhtaj*, Mesir, Jil. 3, hal. 247.
- ³ Ibn. Qudamah (1348H), *al-Mughni*, Mesir: al-Manar, Jil. 7, hal. 337.
- ⁴ Ibn. Rusyd (1386H), *Bidayah al-Mujtahid*, Qahirah, Jil. 2, hal. 10.
- ⁵ Surah al-Nur: ayat 32.
- ⁶ Surah al-Baqarah: ayat 221.
- ⁷ *Ibid* : ayat 232.
- ⁸ *Ibid.* : ayat 237.
- ¹⁾ Al-San'ani (1960) *Subul al-Salam*, Singapura: Maktabah Wa Matba'ah Sulayman Mar'iy., Jil 3, hal. 117.
- ¹⁰ Al-Shawkani, *Nayl al-Awtar*, Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, Jil 6, hal 117.
- ¹¹ Dikeluarkan oleh Ibn. Majah, al-Daruqutni dan al-Baihaqi.

- ¹² Al-Syarbyni, *op. cit.*, Jil 3, hal. 127.
- ¹³ 'Ali Hasaballah (1971M), *Al-Zawajfi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, Qahirah, hal. 129.
- ¹⁴ Lihat Mania Miskin (1355H), *Syarh Kanz al-Daqa'iq*, Qahirah, Jil. 1, hal. 167.
- ¹⁵ Surah al-Baqarah: ayat 230.
- ¹⁶ *Ibid.*: ayat 232.
- ¹⁷ *Ibid.*: ayat 234.
- ¹⁸ Al-Shawkani, *op. cit.*, Jil. 6, hal. 120.
- ¹⁹ *Ibid.*
- ²⁰ *Ibid.*
- ²¹ *Ibid.*, hal. 127, Al-San'ani, *op. cit.*, Jil. 3, hal. 122.
- ²² Badran Abu al-'Ainayn Badran (1967), *al-Ziwaj wa al-Talaq fi al-Islam*, Iskandariyyah:Muassasah Syabab, hal. 138.
- ²³ Muhammad Shahatah al-Husayni (1972M), *al-Ahwal al-Syakhsiyyah*, Qahirah, hal. 49.
- ²⁴ Surah al-Rum: ayat 21.
- ²⁵ Surah al-Nahl: ayat 72.
- ²⁶ Mania Miskin, *op. cit.*, Jil. 1, hal. 167.

- ²⁷ Tzzal-Din 'Abdal-Salam(1388H), *Qawa'idal-Ahkam*, Qahirah:Daral-Sharq, Jil. 2, hal. 10.
- ²⁸ Mania Miskin, *op. cit.*, Jil 1, hal. 167; 'Ali Hasaballah, *op. cit.*, hal. 130; Al-Haskafi, *op. cit.*, Jil. 1, hal. 301.
- ²⁹ Enakmen Keluarga Islam Kelantan 2002, Sek. 13(1).
- ³⁰ Enakmen Keluarga Islam Kedah 1984, Sek. 10.
- ³¹ Enakmen Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 13.
- ³² Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Sek. 11.
- ³³ Wahbah al-Zuhayli, Dr. (1984), *Al-Fiqh al-Islami Waadillatuh*, Damsyik:Dar al-Fikr, Jil. 7, hal. 217.
- ³⁴ Enakmen Keluarga Islam Kelantan 2002, Sek. 13(1)b.
- ³⁵ Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Johor, Sek. 13(b).
- ³⁶ Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek. (Pindaan 1994), Selangor, 1984 Sek. (Pindaan 1988).
- ³⁷ (1987) J.H. 251.
- ³⁸ Enakmen Keluarga Islam Kelantan 2002, Sek. 14.

RUSSANANI @ ASIAH HASSAN, Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU), Universiti Teknologi MARA, 18500 Machang, Kelantan.